KDN.PP 10843/07/2013 (033121)

# WARTA LAM

EDISI 01/2024

EDISI KHAS SAMBUTAN ULANGTAHUN KE 50 LAM



Pemenang Kedua
Pertandingan Idea Rekabentuk
Senibina Malaysia
**Ar. Ngu Ngie Woon**
(Streetscrapper)

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA



# UCAPAN PRESIDEN

Dato' Ar. Azman Md Hashim

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM. Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T**

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Lembaga, Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) atas pelantikan bagi sesi 2023 - 2025. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada YB Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi atas kepercayaan yang diberikan kepada saya dan Ahli-ahli Lembaga LAM. Sesungguhnya kami komited untuk meneruskan usaha dalam melaksanakan tanggungjawab dan fungsi-fungsi LAM selaras dengan peruntukan di bawah Akta Arkitek 1967 [Akta 117] bagi menjaga kepentingan dan keselamatan pihak awam.

Saya juga ingin mengucapkan TAHNIAH atas penganjuran **Sambutan 50 Tahun LAM** pada 4, 6 dan 7 Oktober 2023. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjurannya secara langsung atau tidak langsung. Sesungguhnya masa dan tenaga yang dicurahkan menyumbang kepada kejayaan penganjuran acara yang julung-julung kali diadakan.

Sempena **Sambutan 50 Tahun LAM**, beberapa acara dan program telah diadakan. Ia adalah salah satu usaha LAM dalam menyampaikan maklumat serta antara tanggungjawab sebagai sebuah agensi yang di bawah Kementerian Kerja Raya yang mengawalselia profesion-profesion yang didaftarkan di bawah Akta 117.

Beberapa aktiviti telah diadakan. Selain daripada Majlis Anugerah LAM, buat pertama kalinya LAM telah menganjurkan Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia yang meliputi kesenibinaan dan rekabentuk dalaman. LAM juga bercadang untuk menganjurkan Pertandingan ini di masa akan datang.

Besarlah harapan saya agar lebih banyak aktiviti-aktiviti yang melibatkan bukan sahaja ahli-ahli berdaftar, malah pihak-pihak berkepentingan yang lain dalam memajukan industri pembinaan secara keseluruhannya. Insya Allah.

# UCAPAN MANTAN PRESIDEN




Datin Ar. Yong Razidah Rashid

**Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah saya bersyukur kerana berpeluang untuk meraikan Jubli Emas, 50 tahun penubuhan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) pada tahun ini dan ianya sangat bermakna buat Lembaga Arkitek Malaysia dan ahli-ahli serta komuniti yang bernaung di bawah LAM. Ulangtahun sesuatu institusi, adalah penting kerana ia meraikan pertumbuhannya dan menandakan bilangan tahun perjalanan dan pengalaman yang telah ditempuhinya.

Banyak pencapaian telah dicapai sepanjang penubuhan LAM di bawah Akta Arkitek 1967 (Akta117). Akta ini diwujudkan dengan tujuan menjaga keselamatan dan perlindungan serta kepentingan awam. Ianya juga bukan sahaja untuk mengawal selia profesion yang berdaftar, tetapi juga untuk menggerakkan dan membangunkan industri pembinaan negara.

50 tahun adalah legasi pencapaian yang luar biasa untuk diraikan. Ulang tahun mendedahkan jiwa organisasi dan menyemarakkan visi untuk tahun-tahun yang akan datang. Saya amat berharap semua pihak terutama profesional dan komuniti industri pembinaan akan sentiasa terus menyokong LAM, sambil meraikan pencapaian dan membayangkan 50 tahun akan datang yang kita boleh capai dengan semangat kerjasama yang erat.

LAM komited memupuk kecemerlangan dalam amalan seni bina dan kelestarian persekitaran alam binanya serta juga secara aktif mempromosikan pengajian seni bina dan reka bentuk dalaman di dalam dan luar negara. LAM sentiasa memastikan penghasilan standard profesionalisma yang tinggi dan menggalakkan inovasi di kalangan profesional dalam menerajui industri binaan negara.

Pelbagai faktor menentukan kekuatan lembaga dan orang yang bekerja untuknya adalah salah satunya. Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua mantan Presiden-Presiden LAM, sekretariat, ahli-ahli lembaga pengarah, dan semua mereka yang terlibat sepanjang perjalanan LAM selama lima dekad.

Sesungguhnya ucapan terima kasih tidak cukup untuk menyatakan penghargaan di atas jasa dan dedikasi yang telah dicurahkan terutama kepada institusi LAM dan industri pembinaan amnya. Segala usaha dan komitmen terhadap LAM sememangnya memberi inspirasi.

**Selamat Ulang tahun LAM yang ke 50 tahun dan semoga LAM sentiasa terus mencipta kejayaan di masa hadapan.**



# UCAPAN PENGERUSI

**Ar. Sarly Adre Sarkum**
Ketua Editor, Warta LAM
Pengerusi, Jawatankuasa Promosi dan Penerbitan

**Alhamdulillah**, dengan Syukur dan rendah hati diberimandat untuk menerajui Warta LAM edisi pertama tahun 2024 yang juga bersempena Jubli Emas, 50 tahun penubuhan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) pada tahun 2023. Ianya bukan sekadar sebuah acara, tetapi merupakan satu peristiwa yang sangat bermakna dan bersejarah bagi seluruh komuniti arkitek di Malaysia. Lima dekad yang lalu, LAM muncul sebagai payung yang melindungi dan memajukan profesion arkitek di negara ini, dan kini, semangat dan komitmen ini terus berkobar dalam setiap aspek aktiviti kami.

Dengan rendah hati, kami dengan bangganya mempersembahkan edisi pertama buletin Warta Lembaga Arkitek Malaysia (LAM). Edisi ini tidak hanya sebagai penghormatan kepada perayaan ulang tahun ke-50 LAM pada tahun 2023, tetapi juga sebagai satu wadah bagi kami untuk merenung kembali pencapaian-pencapaian gemilang yang telah kami capai sepanjang setengah abad ini.

Ulang tahun ke-50 LAM menggambarkan sebuah perjalanan yang penuh dengan cabaran, pencapaian, dan juga inovasi. Kami bangga dengan sejarah kami yang kaya dengan sumbangan kepada pembangunan senibina negara, dan pada masa yang sama, kami juga melihat ke hadapan dengan komitmen yang lebih kuat untuk terus membawa profesion arkitek ke tahap yang lebih tinggi.

Adalah suatu kehormatan bagi kami untuk menghasilkan Warta ini, sebuah platform yang memperkukuhkan hubungan antara arkitek-arkitek Malaysia dan LAM. Warta ini adalah lebih dari sekadar satu alat komunikasi; ia adalah titik pertemuan di mana idea-idea dan aspirasi-aspirasi boleh berkembang dan bersemi.

Pada kesempatan ini, kami ingin mengucapkan tahniah kepada anggota-anggota lembaga yang baru dilantik dan kepada Presiden baru kita, Dato' Ar. Azman bin Md Hashim. Kami yakin di bawah kepimpinan baru ini, LAM akan terus berkembang maju dan memberikan sumbangan yang lebih besar kepada profesion arkitek di Malaysia.

Kami mengalu-alukan pandangan, cadangan, dan sumbangan dari semua pihak untuk memastikan Warta ini terus menjadi sumber yang berharga dan relevan bagi semua anggota kami. Mari bersama-sama kita terus membangun dan memperkasakan komuniti arkitek Malaysia untuk masa depan yang lebih cemerlang.

Sekian, terima kasih.
Maju Jaya Senibina Malaysia!

**Ar Sarly Adre Sarkum**
info@lam.gov.my

## EDITORIAL :

1. Ar Sarly Adre Sarkum (Pengerusi)
2. Ar. Adrianta Aziz (Naib Pengerusi)
3. Ar. Wan Mohammad Norshah Abdul Satar
4. Ar. Syahril Nizam Kamaruddin
5. Ar. Nazaruddin Muhammad
6. Ar. Mohd Farez Mustapha
7. Ar. Ahmad Ridha Abd Razak
8. Ar. Ahmad Farik Abd Ghaffar
9. Ar. Amzar Ahmad
10. En. Saiful Fazli Ramli
11. Ar. Hani Yuliati Mohd Lasa (Pendaftar)
12. Nur Santi Mohd Said (Sekretariat)
13. Noor Shazlien Amira Shaharuddin (Sekretariat)


# ISI KANDUNGAN


## PENGENALAN 01

- Ahli Lembaga Pengarah LAM Tahun 2023-2025
- Carta Organisasi Jawatankuasa LAM
- Takwim Aktiviti Sambutan 50 Tahun LAM
- Sambutan 50 Tahun LAM
- Jawatankuasa Kerja

## PERSIAPAN SAMBUTAN 06

- Majlis Anugerah LAM 2023
- Pingat President LAM 2023
- Anugerah Pendidikan Senibina LAM 2023
- Sesi Penjurian Anugerah LAM 2023
- Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia
- Sesi Penjurian & Senarai Pemenang

## MAJLIS ANUGERAH 32

- Pelancaran Sambutan 50 Tahun & Majlis Anugerah LAM 2023

## SAMBUTAN 50 TAHUN LAM 37

- Gerai Pameran
- Pameran Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia
- Dialog Senibina Malaysia
- Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan
- Majlis Pentauliahan Arkitek 2023
- Taklimat Pendaftaran Ahli-ahli Baru LAM
- CPD Talk : Current General Circulars

## GALERI 50

- Cenderahati LAM
- Pekeliling-pekeliling Am LAM 2023
- Statistik


Untuk apa-apa maklumbalas sila hubungi -

**info@lam.gov.my**

# AHLI LEMBAGA LAM 2023-2025



Dato' Ar. Azman Md Hashim
(Presiden)



Dr. Ar. Tan Loke Mun



Prof. Madya (I) Ar. Zuraina Leily Awalludin



Tan Sri Dato' Sri Ar. Esa Mohamed



Datuk Ar. Tan Pei Ing



Ar. Abd Shukor Ismail



Ar. Adrianta Aziz



Ar. Wan Mohammad Norshah Abdul Satar



Ar. Tay Wai Fun, Lillian



Ar. Sarly Adre Sarkum



Ar. Jafri Merican Din Merican



Ar. Hani Yuliati Mohd Lasa
(Pendaftar)



Sr. Kamarudin Hj. Sulaiman
(Wakil Lembaga Juruukur Bahan Malaysia)



Ar. Koh Yew Peng, Dexter



Ar. Yap Seng Chye, Chris
(Wakil Perekabentuk Dalaman)



Ar. Sharina Intan Abdullah



Ar. Kwan Chee Hung (Sabah)
(2023 – 2024)



Ar. Wan Sofiah Wan Ishak



Ar. Zuhairi Manaf



Ar. Ivy Jong (Sarawak)
(2024 – 2025)



En. Nokman Mustaffa
(Wakil Pelukis Pelan Bangunan)



Hamdan Samah@Othman
(Wakil Pemeriksa Tapak)



Ir. Sundraraj A/L A.Krishnasamy
(Wakil Lembaga Jurutera Malaysia)

# CARTA ORGANISASI **JAWATANKUASA**






# TAKWIM SAMBUTAN

**2 JUN**
Pencalonan Anugerah LAM 2023

**24 JULAI**
Penjurian Anugerah LAM 2023

**5 SEPTEMBER**
Penjurian Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia (Mahasiswa)

**14 SEPTEMBER**
Penjurian Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia (Individu)

**4 OKTOBER**
Pelancaran Sambutan 50 Tahun LAM & Majlis Anugerah LAM 2023

**6 OKTOBER**
Sambutan 50 Tahun LAM (Hari Pertama)

- Dialog Senibina Malaysia & Penyampaian Hadiah Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia
- Pentauliahan Arkitek 2023

**7 OKTOBER**
Sambutan 50 Tahun LAM (Hari Kedua)

- Dialog Senibina Malaysia & Penyampaian Hadiah Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia
- Pentauliahan Arkitek 2023

# SAMBUTAN 50 TAHUN
## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Arkitek 1967 [Akta 117]. Antara fungsi utama LAM adalah untuk mengawalselia profesion-profesion yang didaftarkan di bawah Akta 117 serta menjaga kepentingan dan keselamatan pihak awam.

Bersempena dengan penubuhan LAM selama 5 dekad, beberapa aktiviti telah dirancang. Antaranya adalah Majlis Anugerah LAM 2023, Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia, Pameran, Sesi Dialog, Majlis Pentauliahan Arkitek, Taklimat Pendaftaran Ahli-Ahli Baru serta CPD Talk berkenaan Pekeliling-Pekeliling Am LAM yang terkini.

Sambutan bermula dengan Majlis Anugerah LAM pada 4 Oktober 2023 serta Pameran dan beberapa aktiviti pada 6 dan 7 Oktober 2023. Dengan inspirasi daripada Presiden LAM, YBhg. Datin Ar. Yong Razidah binti Rashid maka bermulalah persiapan Sambutan 50 Tahun LAM yang julung-julung kali diadakan.



**Logo Sambutan 50 Tahun Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)**



## Prof. Madya (I) Ar. Zuraina Leily Awalludin

(Pengerusi Jawatankuasa Kerja Sambutan 50 Tahun LAM)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, dengan limpah kurnia dan izinNya , kita dapat bersama-sama menjayakan Sambutan 50 Tahun LAM. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Jawatankuasa Kerja dan tidak dilupakan kepada semua yang terlibat bertungkus-lumus bagi memastikan semua acara berjalan lancar.

## Ar. Abd. Shukor Ismail

(Ahli Lembaga LAM)

Setinggi-tinggi kesyukuran kerana dengan izinNya Sambutan 50 Tahun LAM telah berjalan seiring perancangan. Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.






## Ar. Amzar Ahmad

(Penasihat Jawatankuasa Kerja Sambutan 50 Tahun LAM)

It was started the planning of the 50 years Celebrating in March 2023. Apart from the LAM Award 2023, new events like the IDEA Competition, Talks & Exhibition were planned as part of the celebration. Thank you to the LAM Secretariat staff for making the event succeed. Also special thanks to Cik Nur Santi Mohd Said, Puan Noor Shazlien Amira Shaharuddin & En. Shahirul Akmar Suhaimi for their unwavering support.

# PERSIAPAN MENJELANG
## SAMBUTAN 50 TAHUN LAM










# MAJLIS ANUGERAH
## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Majlis Anugerah LAM 2023 diadakan selepas berakhirnya pandemik Covid-19 yang melanda sejak tahun 2020. Penganjuran Majlis ini adalah kali keempat semenjak kali terakhir ia diadakan pada empat tahun yang lalu. Majlis ini lazimnya akan diadakan setiap dua tahun sekali. Terdahulu, Majlis ini pernah diadakan pada 17 Ogos 2015 serta 28 November 2017 dan 19 September 2019.

Antara objektif utama penganjurannya adalah untuk mengiktiraf sumbangan dan pengorbanan para individu kepada industri pembinaan Negara khususnya profesion senibina serta rekabentuk dalaman. LAM telah menerima jumlah pencalonan yang lebih banyak bagi kedua-dua kategori iaitu Pingat Presiden LAM 2023 dan Anugerah Pendidikan Senibina 2023 berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Pengiktirafan seumpama ini diharap akan membakar semangat lebih ramai individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung untuk terus menyumbang kepakaran bagi meningkatkan daya saing Negara di peringkat antarabangsa.

# PINGAT PRESIDEN LAM 2023

Sejak Merdeka lagi Malaysia telah melahirkan ramai Arkitek dan Perekabentuk Dalaman yang tersohor hingga ke persada antarabangsa. Mereka ini aktif berkarya dalam bidang kesenibinaan serta rekabentuk dalaman dan telah berjaya menjulang nama masing-masing dengan memenangi pelbagai pingat dan anugerah rekabentuk berprestij anjuran persatuan Arkitek, Perekabentuk Dalaman dan organisasi-organisasi industri binaan di dalam dan luar Negara.

Keunggulan seorang Arkitek atau Perekabentuk Dalaman yang dicalonkan sebagai 'Penerima Pingat Presiden LAM' mestilah berbeza dengan penerima pingat dari organisasi lain dari segi kriteria pemilihannya.

Sumbangan kepada bidang kesenibinaan bukan sahaja menjurus kepada kecemerlangan penghasilan rekabentuk semata-mata tetapi harus dilihat dari aspek penglibatan secara aktif dalam industri pembinaan. Penerima juga seharusnya memberi sumbangan dalam penghasilan, penggubalan undang-undang berhubung dengan industri dan pihak berkepentingan serta memainkan peranan yang aktif dalam aktiviti LAM dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Secara amnya, penerima Pingat Presiden LAM dipilih berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- Perwatakan calon mestilah menunjukkan perilaku ysng bermaruah, kualiti kepimpinan, integriti, sifat setiakawan, profesional, rendah diri dan berdedikasi;
- Sumbangan kepada profesion dengan penglibatan dalam bidang pendidikan, praktis dan perundangan;
- Sumbangan kepada industri binaan;
- Sumbangan kepada masyarakat melalui badan amal, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO)
- Mendapat pengiktirafan dan memegang peranan di peringkat antarabangsa.

Proses pencalonan dan pemilihan Pingat Presiden LAM telah dikendalikan oleh satu kumpulan kerja yang dilantik oleh LAM. Pencalonan telah dibuka bermula 2 Jun 2023.

Pada tarikh tutup pencalonan 3 Julai 2023, LAM telah menerima lima (5) pencalonan untuk Pingat Presiden LAM. Panel Juri telah bersidang pada 24 Julai 2023.





# BARISAN JURI

## PINGAT PRESIDEN LAM 2023

**Duduk (Dari kiri) -**
Dato' Ar. Nur Haizi Abdul Hai, Datin Ar. Yong Razidah Rashid, Ar. Zairul Azidin Badri

**Berdiri (Dari kanan) -**
Sr Khaidzir Abdul Rasip, Ar. Jafri Merican Din Merican, Ar. Amzar Ahmad (Convenor), Ar. Abu Zarim Abu Bakar, IDr. Ooi Boon Seong

| | |
|---|---|
| **Datin Ar. Yong Razidah Rashid**<br>Ketua Juri | Presiden Lembaga Arkitek Malaysia |
| **Dato' Ar. Nur Haizi Abdul Hai** | Mantan Presiden Lembaga Arkitek Malaysia |
| **Ar. Zairul Azidin Badri** | Mantan Presiden Lembaga Arkitek Malaysia |
| **Ar Abu Zarim Abu Bakar** | Presiden Pertubuhan Arkitek Malaysia |
| **IDr. Ooi Boon Seong** | Presiden Persatuan Perekabentuk Dalaman Malaysia |
| **Ar. Jafri Merican Din Merican** | Presiden Association of Consulting Architects Malaysia |
| **Sr Khaidzir Abdul Rasip** | SU Kehormat Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia |
| **Ar. Amzar Ahmad** | Convener |

# ANUGERAH PENDIDIKAN **SENIBINA 2023**

Sumbangan seorang tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi (IPT) kadangkala tidak begitu diberi pengiktirafan yang setimpal dengan jasa yang telah ditabur dalam mendidik anak bangsa menjadi golongan profesional di Negara ini.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab LAM untuk mengambil langkah agar tokoh pendidik ini diberi pengiktirafan dan penghargaan yang setimpal. Tokoh ini kurang mendapat perhatian di luar menara gading melainkan dalam lingkungan profesion kesenibinaan sahaja. Langkah LAM dengan mengiktiraf sumbangan para tokoh akademik seumpama ini diharap dapat memberikan dorongan serta semangat kepada penggiat akademik senibina untuk terus melahirkan dan menghasilkan para Arkitek yang akan memberi sumbangan terhadap pembangunan Negara khususnya dan dunia secara amnya.

Antara kriteria yang telah diambilkira dalam pemilihan penerima Anugerah Pendidikan Senibina adalah seperti berikut :

- Untuk ahli akademik di Malaysia yang masih bertugas atau sudah bersara pada masa pencalonan dibuat;
- Penglibatan dalam pendidikan senibina sekurang-kurangnya seuluh (10) tahun dan telah berkhidmat serta berperanan sebagai pensyarah akademik dan menjadi penyelidik atau bertugas sebagai Ketua atau Dekan Sekolah Senibina di mana-mana institusi di Malaysia;
- Berkhidmat dan berperanan sebagai pensyarah akademik dan menjadi penyelidik atau bertugas sebagai Ketua atau Dekan Sekolah Senibina di mana-mana institusi di Malaysia;Telah menunjukkan kredibiliti, kepimpinan, integriti, kesetiaan, rendah diri dan dedikasi dalam bidang pendidikan senibina dan telah memberi kesan serta impak dan pengaruh terhadap pelajar-pelajar yang dididik;
- Telah memberi sumbangan kepada pembangunan dan kemajuan program pendidikan senibina pada masa lalu yang boleh memberi impak terhadap kemajuan program senibina di masa hadapan;
- Telah memberi sumbangan aktif dalam aktiviti pendidikan senibina bersama Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia, LAM, pertubuhan-pertubuhan Arkitek berkaitan serta masayarakat

Pencalonan telah dibuka pada 2 Jun 2023 dan berakhir pada 3 Julai 2023. LAM telah menerima tujuh (7) pencalonan. Mesyuarat Juri telah diadakan pada 24 Julai 2023 untuk pemilihan bagi kategori ini.

Keputusan muktamad sebulat suara telah dicapai untuk mengiktiraf empat (4) penerima Anugerah Pendidikan Senibina bagi tahun 2023.



# BARISAN JURI

## ANUGERAH PENDIDIKAN SENIBINA 2023

**Duduk (Dari kiri) -**
Ar. Ong Suan Huah, Datin Ar. Yong Razidah Rashid, Dato' Ar. Nur Haizi Abdul Hai, Dato' Professor Emeritus Dr. Ar. Elias Salleh

**Berdiri (Dari kanan) -**
Ar. Abu Zarim Abu Bakar, Ar. Amzar Ahmad (Convenor), Ar. Jafri Merican Din Merican, IDr. Ooi Boon Seong

| | |
|---|---|
| **Datin Ar. Yong Razidah Rashid**<br>Ketua Juri | Presiden Lembaga Arkitek Malaysia |
| **Dato' Ar. Nur Haizi Abdul Hai** | Mantan Presiden Lembaga Arkitek Malaysia |
| **Ar Abu Zarim Abu Bakar** | Presiden Pertubuhan Arkitek Malaysia |
| **IDr. Ooi Boon Seong** | Presiden Persatuan Perekabentuk Dalaman Malaysia |
| **Ar. Jafri Merican Din Merican** | Presiden Pertubuhan Perunding Arkitek Malaysia |
| **Dato' Professor Emeritus Dr. Ar. Elias Salleh** | Penerima Anugerah Pendidikan Senibina 2015 |
| **Ar. Ong Suan Huah** | Penerima Anugerah Pendidikan Senibina 2015 |
| **Ar. Amzar Ahmad** | Convener |

# SESI PENJURIAN
## ANUGERAH LAM 2023






















# PERTANDINGAN IDEA

## REKABENTUK SENIBINA IDENTITI MALAYSIA

Sempena dengan sambutan 50 Tahun LAM, pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia bertujuan untuk mengenal pasti identiti senibina Malaysia bagi generasi masa depan. Dengan adanya pertandingan ini, diharapkan dapat menghasilkan konsep rekabentuk senibina yang tidak hanya relevan pada masa kini, tetapi juga mampu memberi sumbangan kepada pembangunan jangka panjang negara ini.

Melalui penekanan pada identiti Malaysia dalam senibina, pertandingan ini ingin memastikan warisan budaya dan nilai-nilai unik Malaysia terus hidup dan diwarisi oleh generasi akan datang. Ini akan membantu membangun kesedaran dan kebanggaan terhadap identiti senibina Malaysia, serta memupuk kesedaran akan pentingnya mempertahankan elemen-elemen yang mencerminkan jati diri bangsa dalam pembangunan kota dan kawasan binaan.



Berikut adalah antara objektif penganjuran Pertadingan tersebut :

- Memberi kesedaran kepada masyarakat Malaysia tentang kepentingan rekabentuk Senibina beridentiti kebangsaan;
- Menambah penghayatan tentang jati diri budaya dan bangsa rakyat Malaysia dalam rekabentuk Senibina;
- Menggalakkan pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi untuk berinovasi dan berdaya cipta dalam menghasilkan rekabentuk lestari yang memperkasa budaya dan nilai kenegaraan; dan
- Mencetuskan daya saing yang sihat di kalangan profesyen Arkitek dan Perekabentuk Dalaman

KATEGORI INDIVIDU/FIRMA

**Pendafaran Bermula**
17 Jun 2023

**Pengeluaran Brif Pertandingan**
03 Julai 2023

**Pendaftaran Berakhir**
17 Julai 2023

**Pertanyaan mengenai Brif**
24 Julai 2023

**Pengemukaan**
30 Ogos 2023

**Penilaian Juri (Senarai Pendek)**
04 September 2023

**Penilaian Akhir Juri**
12 September 2023

KATEGORI MAHASISWA

**Pendafaran Bermula**
17 Jun 2023

**Pengeluaran Brif Pertandingan**
03 Julai 2023

**Pendaftaran Berakhir**
17 Julai 2023

**Pengemukaan**
18 Ogos 2023

**Penilaian Juri (Senarai Pendek)**
21 Ogos 2023

**Penilaian Akhir Juri**
29 Ogos 2023









SENIBINA

# SESI PENJURIAN
## (KATEGORI AHLI/FIRMA BERDAFTAR)



# BARISAN JURI

**Duduk (Dari kiri) -**
Dato' Ar. Azman Md. Hashim, Ar. Hijjas Kasturi, Datin Ar. Yong Razidah Rashid, Dato' Ar. Hajeedar Abd Majid, Tan Sri Dato' Sri Ar. Esa Mohamed

**Berdiri (Dari kanan) -**
Ar. Sarly Adre Sarkum (Convenor), Ar. Dexter Koh, IDr. Ooi Boon Seong, Ar. Amzar Ahmad (Kumpulan Kerja Pertandingan)





# LAPORAN 'CONVENOR'

## (KATEGORI AHLI/FIRMA BERDAFTAR)

SENIBINA

Urusetia LAM bagi kategori pertandingan ini telah menerima 54 (Lima Puluh Empat) penyertaan, yang mana setiap satu penyertaan merangkumi 2 (dua) poster panel bersaiz A1 berserta teks huraian rekabentuk (tidak lebih dari 500 perkataan) bersaiz A4 yang memberi penerangan mengenai konsep rekabentuk yang dipersembahkan. Penyertaan tersebut telah dicetak dan dipamerkan untuk tujuan penjurian oleh ahli panel yang telah dijemput. Susulan dari penilaian yang telah di buat oleh kesemua ahli panel juri, berikut adalah laporan konvenor bagi kategori ini:

1. Sesi bermula dengan perbincangan yang menyeluruh dan mendalam mengenai intipati dan definisi identiti senibina Malaysia. Perbincangan tersebut merungkai kedua-dua konteks iaitu aspek sejarah dan perspektif industri kontemporari, menjelajahi evolusi senibina Malaysia dan identiti yang berkaitan dengannya. Para juri, secara sebulat suara, bersetuju supaya LAM mewujudkan dialog awam terbuka berkaitan topik evolusi senibina Malaysia untuk memastikan bahawa perbincangan seperti ini dapat diteruskan dan boleh di rujuk oleh orang awam.
2. Para juri juga bersetuju dan mengakui bahawa terdapat usaha yang baik dalam peryertaan-penyertaan yang diterima. Namun, juri mendapati tahap kualiti secara am adalah agak kurang memuaskan. Mereka merasakan bahawa terdapat beberapa perkara asas yang tidak di beri perhatian yang mencukupi. Walaubagaimanapun, pihak juri ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) atas usaha mereka menganjurkan pertandingan ini. Pihak juri mencadangkan agar ianya diteruskan pada setiap tahun akan datang dengan harapan supaya kualiti penyertaan akan bertambah baik.
3. Oleh yang demikian, panel juri dengan muafakat dan sebulat suara telah bersetuju dengan keputusan berikut:

SENIBINA

- Tiada pemenang bagi hadiah tempat pertama, tetapi mengaugerahkan dua tempat kedua.

- Tempat kedua dianugerahkan kepada peserta AC_004 (Jalin). Projek ini menekankan kepentingan kemasyarakatan dan kesatuan dalam masyarakat dan budaya Malaysia. Ia menunjukkan bagaimana Senibina Malaysia dapat mempamerkan nilai dan budaya yang menyatukan antara satu sama lain tanpa mengira latar belakang yang berbeza. Pendekatan 'kampung moden' menunjukkan betapa relevannya identiti senibina negara dengan menggalakkan inklusiviti, kepelbagaian, dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain sebagai prinsip utama masyarakat Malaysia.

- Tempat kedua juga telah dianuagerahkan kepada peserta AC_049 (Streetscrapper). Konsep "streetscraper" ini mewakili pandangan yang inovatif dan tidak konvensional dalam merangka semula tipologi pencakar langit. Pendekatan yang menggabungkan pencakar langit dengan elemen struktur ikonik yang sedia ada menawarkan pandangan baru dalam reka bentuk senibina serta memperlihatkan wujudnya potensi untuk transformasi bandar yang lebih dinamik.

- Para juri bersetuju untuk menganugerahkan dua hadiah kepujian. Hadiah kepujian dianugerahkan pada peserta AC_001 (Menara Indentiti) dan AC_028 (Malaysia Architecture Identity). Kedua-dua projek ini mencerminkan ciri-ciri senibina Malaysia yang menggabungkan pelbagai pengaruh budaya, reka bentuk yang peka terhadap iklim, fokus kelestarian, integrasi komuniti dan juga elemen simbolik Malaysia.

**JAWATANKUASA PENGANJUR**
**Laporan Convenor Kategori Senibina**

**disediakan oleh:**
**Ar. SARLY ADRE SARKUM**

# SENARAI PEMENANG
## (KATEGORI AHLI/FIRMA BERDAFTAR)

**Tempat kedua : AC_004 M Sarizal Shamsuddin Architect (Jalin)**






**Tempat kedua : AC_049 Ar. Ngu Ngie Woon (Streetscrapper)**






# SENARAI PEMENANG
## (KATEGORI AHLI/FIRMA BERDAFTAR)

**Hadiah Kepujian : AC_001 Ar. Azim A. Aziz/ATSA Architects Sdn. Bhd.**
**(Menara Indentiti)**






**Hadiah Kepujian : AC_028 Ar. Abdul Malek Hassan/Malek Hassan Architect**
**(Malaysia Architecture Identity)**





# REKABENTUK DALAMAN

## SESI PENJURIAN
(KATEGORI AHLI/FIRMA BERDAFTAR)



## BARISAN JURI

**Duduk (Dari kiri) -**
Dato' Ar. Azman Md. Hashim, Datin Ar. Yong Razidah Rashid, Datuk Ar. Tan Pei Ing, Dr. Ar. Tan Loke Mun

**Berdiri (Dari kanan) -**
Ar. Meor Mohammad Fared Meor Razali (Convenor), Ar. Dexter Koh, IDr. Mohammad Faisal Ghazali, IDr. Ooi Boon Seong, Ar. Amzar Ahmad (Kumpulan Kerja Pertandingan)





REKABENTUK DALAMAN

# LAPORAN 'CONVENOR'

## (KATEGORI AHLI/FIRMA BERDAFTAR)

Urusetia LAM bagi kategori pertandingan ini telah menerima 12 (dua belas) penyertaan, yang mana setiap satu penyertaan merangkumi 2 (dua) atau 1 (satu) poster panel bersaiz A1 berserta dengan teks huraian rekabentuk (tidak melebihi 500 perkataan) bersaiz A4 yang memberi penerangan mengenai konsep rekabentuk yang dipersembahkan. Penyertaan tersebut telah dicetak dan dipamirkan untuk tujuan penjurian oleh panel yang telah dijemput. Susulan dari penilaian yang telah dibuat oleh kesemua ahli panel juri, berikut adalah laporan konvenor bagi kategori ini:

1. Panel juri sebulat suara membatalkan penyertaan IDC_008 kerana mengemukakan poster dalam bentuk 'potret' dan bukannya dalam bentuk 'landskap' seperti yang dinyatakan dalam brif pertandingan.
2. Memandangkan sebanyak 5 (lima) hadiah yang diperuntukkan, panel juri bersetuju supaya setiap ahli panel juri menyenarai pendek maksima 5 (lima) penyertaan dari 11 (sebelas) penyertaan.
3. Panel juri sepakat bahawa setiap penyertaan memerlukan sekurang-kurangnya 4 (empat) undian dari panel juri untuk layak dipertimbangkan untuk mendapat hadiah.
4. Berdasarkan pilihan yang dibuat, panel juri dengan muafakat dan sebulat suara telah bersetuju dengan keputusan berikut:

- Penyertaan bernombor IDC_006 telah menerima undian dari setiap ahli panel juri dan diisytihar sebagai pemenang Hadiah Pertama bernilai RM20,000.00 dan Sijil Pemenang.

- Panel juri berpendapat bahawa skima IDC_006 berkonsepkan Rattan Haven mempunyai unsur 'Malaysiana', mencerminkan elemen kejujuran kepada bahan binaan (honesty to materials), meraikan keunikan artisan tempatan dan mempamerkan penggunaan rotan secara inovatif dan amat sinonim dengan cuaca tropikal.

- Tiada penyertaan yang layak untuk menerima Hadiah Kedua.

- Penyertaan bernombor IDC_001 dan IDC_014 yang masing-masing menerima 4 (empat) undian layak menerima Hadiah Kepujian bernilai RM3,000 dan Sijil Kepujian.

**JAWATANKUASA PENGANJUR**
**Laporan Convenor Kategori Rekabentuk Dalaman**

**disediakan oleh:**
**Ar. MEOR MOHAMMAD FARED MEOR RAZALI**

REKABENTUK DALAMAN

# SENARAI PEMENANG
(KATEGORI AHLI/FIRMA BERDAFTAR)

**Tempat Pertama : IDC-006 Nur Amanina Mohd Sobri (Rattan Haven)**






# REKABENTUK DALAMAN

## SENARAI PEMENANG
(KATEGORI AHLI/FIRMA BERDAFTAR)

**Hadiah Kepujian : IDC_001 IDENT-3 Sdn. Bhd (Teratak Warisan)**




**Hadiah Kepujian : IDC_014 IDENT-3 Sdn. Bhd (The House of The Hill)**



SENIBINA

# SESI PENJURIAN
## (KATEGORI MAHASISWA)



## BARISAN JURI

**Duduk (Dari kiri) -**
Dato Professor Emeritus Ar. Parid Wardi Sudin, Datin Ar. Yong Razidah Rashid, Dato' Ar. Azman Md. Hashim, Dato Professor Emeritus Dr. Ar. Elias Salleh

**Berdiri (Dari kanan) -**
Ar. Chris Yap Seng Chye (Convenor), Ar. Abu Zarim Abu Bakar, IDr. Ooi Boon Seong, Ar. Amzar Ahmad (Jawatankuasa Pertandingan)





# LAPORAN CONVENOR
## (KATEGORI MAHASISWA)

SENIBINA

Urusetia LAM bagi kategori pertandingan ini telah menerima 100 (seratus) penyertaan, yang mana setiap satu penyertaan merangkumi 2 (dua) atau 1 (satu) poster panel bersaiz A1 berserta dengan teks huraian rekabentuk (tidak melebihi 500 perkataan) bersaiz A4 yang memberi penerangan mengenai konsep rekabentuk yang dipersembahkan. Penyertaan tersebut telah dicetak dan dipamirkan untuk tujuan penjurian oleh panel yang telah dijemput. Susulan dari penilaian yang telah dibuat oleh kesemua ahli Panel Juri, berikut adalah laporan Konvenor bagi kategori ini:

1. Panel Juri telah menyenaraikan 20 penyertaan terbaik yang paling mewakili matlamat dan objektif Pertandingan daripada 100 penyertaan yang dihantar dalam peringkat pertama penjurian.
2. Keputusan keseluruhan dengan jumlah markah tertinggi kemudian digariskan dan dibentangkan kepada Panel Juri untuk ulasan bersama pada 5 September 2023 di Sekretariat LAM.
3. Panel Juri kemudian meneruskan dengan menyenaraikan 5 penyertaan terbaik melalui 2 peringkat penilaian tambahan semasa ulasan bersama pada 5 September 2023. Selepas pertimbangan terperinci, penyertaan dengan nombor indeks SAC_023 (Memora – Mahawangsa), SAC_044 (Modu – Shack), SAC_004 (Seamless Connection – Artisanal Park), SAC_033 (Cruising Through History: A Living Museum Of Sama – Bajau), dan SAC_054 (The Compendium – Malaysia's Terrarium) telah dipersetujui untuk memasuki peringkat akhir dan pusingan ke-4 (keempat) penjurian.
4. Daripada 5 (lima) penyertaan yang disenaraikan selepas pusingan ke-4 (keempat) penjurian, Panel Juri membahaskan lebih lanjut dan majoriti Juri bersetuju bahawa penyertaan SAC_004 (Seamless Connection – Artisanal Park) adalah pemenang tempat pertama dalam Pertandingan ini. Pendapat keseluruhan Panel Juri adalah bahawa penyertaan ini mencerminkan identiti Malaysia yang bersifat komunal dan unsur

SENIBINA

# LAPORAN CONVENOR
## (KATEGORI MAHASISWA)

perpaduan kaum, dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh didapati secara tempatan tetapi digunakan dalam cara yang tidak konvensional seperti dalam strukturnya dan yang lebih penting ia adalah mampan dan berfikiran progresif. Ini adalah elemen kontemporari senibina Malaysia.

5. Penyertaan SAC_044 (Modu – Shack) mendapat tempat kedua. Komen-komen Panel Juri adalah ia adalah satu penyelesaian rekabentuk universal yang responsif terhadap iklim tempatan dan persekitaran sosial, yang menggambarkan gaya hidup Malaysia yang terdapat di sekeliling kita dan mudah diperhatikan serta sering ditemui di seluruh negara. Ciri-ciri Malaysia adalah jelas dan praktikal.
6. Penyertaan SAC_023 (Memora – Mahawangsa), SAC_033 (Cruising Through History: A Living Museum Of Sama – Bajau), dan SAC_054 (The Compendium – Malaysia's Terrarium) semua diberi taraf 'honorary" yang sama. Mereka secara individu telah mewakili pelbagai bahasa dan ciri –ciri senibina Malaysia di sekeliling kita, seperti rekabentuk tropika, etnik, dan kontemporari.

**JAWATANKUASA PENGANJUR**
**Laporan Convenor Kategori Mahasiswa Senibina**

**disediakan oleh:**
**Ar. YAP SENG CHYE, CHRIS**

# SENARAI PEMENANG
## (KATEGORI MAHASISWA)

### Tempat Pertama : SAC_004 Lau Kah Hong | Universiti Putra Malaysia (Seamless Connection – Artisanal Park)



# SENARAI PEMENANG
## (KATEGORI MAHASISWA)

**Tempat kedua : SAC_044 Goh Zhen Yi | Universiti Sains Malaysia (Modu – Shack)**






**Hadiah Kepujian : SAC_023 Muhammad Afif Arshad Ismail | Universiti Kebangsaan Malaysia (Memora – Mahawangsa)**





# SENARAI PEMENANG
## (KATEGORI MAHASISWA)

**Hadiah Kepujian : SAC_033 Law Jan Shen | Universiti Malaya**
**(Cruising Through History)**





**Hadiah Kepujian : SAC_054 Lim Wei Liang, Syamirul Alif Shaharudin, Huril 'Ain Ahmad Suhaimi & Muhammad Aisar Wahinuddin | Universiti Sains Malaysia**
**(The Compendium)**






# REKABENTUK DALAMAN

## SESI PENJURIAN

(KATEGORI MAHASISWA)



## BARISAN JURI

**Dari kiri -**
Ar. Ahmad Nizam Ahmad Radzi (Convenor), Ar. Abu Zarim Abu Bakar, IDr. Ooi Boon Seong, Prof. Dr. Ar. Julaihi Wahid, Datin Ar. Yong Razidah Rashid, Dato' Ar. Azman Md. Hashim, Ar. Mustapha Mohd. Salleh, Ar. Jafri Merican Din Merican, Ar. Amzar Ahmad (Jawatankuasa Pertandingan)





REKABENTUK DALAMAN

# LAPORAN CONVENOR
## ( KATEGORI MAHASISWA )

Urusetia LAM bagi kategori pertandingan ini telah menerima enam (6) penyertaan, yang mana setiap satu penyertaan merangkumi dua (2) poster panel bersaiz A1 berserta dengan teks huraian rekabentuk (tidak lebih dari 500 perkataan) bersaiz A4 yang memberi penerangan mengenai konsep rekabentuk yang dipersembahkan. Penyertaan tersebut telah dicetak dan dipamirkan untuk tujuan penjurian oleh panel yang telah dijemput. Susulan dari penilaian yang telah dibuat oleh kesemua ahli panel juri, berikut adalah laporan konvenor bagi kategori ini:

1. Dua (2) ahli panel juri bersependapat bahawa kebanyakan penyertaan secara menyeluruh memberi penekanan yang lebih kepada senibina rekabentuk bangunan dan tidak menonjolkan hasil konsep rekabentuk dalaman seperti yang disyaratkan didalam kriteria brif pertandingan. Kenyataan rekabentuk (design statement) yang diterangkan didalam teks huraian berkaitan tidak menunjukkan kualiti rekabentuk yang sama dengan idea yang dipersembahkan dalam lukisan-lukisan grafik yang dipamirkan.
2. Dua (2) lagi ahli panel bersependapat bahawa idea-idea yang ditonjolkan oleh kesemua enam (6) penyertaan tidak cukup menyerlah untuk diangkat sebagai contoh yang terbaik dalam mengenalpasti halatuju rekabentuk dalaman bercirikan identiti Malaysia. Panel juri mengharapkan kepada idea yang lebih abstrak dan utuh, untuk dijadikan inspirasi bagi rekabentuk dalaman dimasa depan.
3. Ahli-ahli panel yang lain juga bersetuju dengan pendapat-pendapat yang diutarakan seperti diatas.
4. Oleh yang demikian, panel juri dengan muafakat dan sebulat suara telah bersetuju dengan keputusan berikut:

- Tiada pemenang bagi hadiah tempat pertama dan hadiah tempat kedua.
- Hanya 2 (dua) penyertaan yang layak menerima hadiah kepujian berupa wang tunai RM800 dan sijil kepujian.
- Penyertaan yang dipilih untuk menerima hadiah kepujian tersebut ialah penyertaan bernombor SIDC_002 (Padi) dan SIDC_005 (Kamek).

**JAWATANKUASA PENGANJUR**
**Laporan Convenor Kategori Mahasiswa Rekabentuk Dalaman**

**disediakan oleh:**
**Ar. AHMAD NIZAM bin AHMAD RADZI**

REKABENTUK DALAMAN

# LAPORAN CONVENOR
## ( K A T E G O R I   M A H A S I S W A )

**Hadiah Kepujian : SIDC_002 Mohamad Hafizudin Abd Rahim | City University (Padi)**



**Hadiah Kepujian : SIDC_005 Zachary Ding Tok | City University (Kamek)**



# MAJLIS ANUGERAH
## LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
























# PELANCARAN
## SAMBUTAN 50 TAHUN LAM & MAJLIS ANUGERAH LAM 2023

Sambutan 50 Tahun LAM dan Majlis Anugerah LAM telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YB Dato' Sri Hj. Fadillah b. Hj. Yusof pada Rabu, 4 Oktober 2023 di Four Seasons Hotel Kuala Lumpur.

Majlis Anugerah LAM diadakan bagi meraikan para penerima Pingat Presiden LAM serta Anugerah Pendidikan Senibina LAM bagi tahun 2023. Majlis ini lazimnya diadakan setiap dua (2) tahun. Ia adalah kali keempat diadakan sejak penganjurannya pada 2015 dan selepas perintah kawalan pergerakan (PKP) pada tahun 2019.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh tetamu kehormat seperti Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Hasnol Zam Zam yang juga turut mewakili YB Menteri Kerja Raya yang tidak dapat hadir atas urusan luar negara. Selain itu, Majlis turut diserikan dengan kehadiran mantan Presiden-Presiden LAM, ahli-ahli lembaga LAM, para pemenang kedua-dua kategori Anugerah tahun-tahun terdahulu serta para jemputan lain.













Sempena Sambutan 50 Tahun LAM, satu video telah ditayangkan, Video terebut juga boleh ditonton dari laman web LAM dan akaun YouTube LAM.

Anugerah Pendidikan Senibina Tahun 2023 telah dianugerahkan kepada empat (4) penerima iaitu Ar.Mustapha Mohd. Salleh, Datin Dr. Ar. Norwina Mohd. Nawawi, Prof. Ramli Abdullah dan Dr. Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin. Sumbangan daripada setiap penerima Anugerah telah disampaikan oleh wakil pencalon.




Pingat Presiden LAM Tahun 2023 telah dianugerahkan kepada Ar. Hijjas Kasturi. Beliau adalah seorang arkitek yang memiliki bakat dan visi yang luar biasa. Sumbangan cemerlangnya dalam bidang senibina di Malaysia telah meninggalkan kesan yang tidak boleh dilupakan dalam industri ini.

Karya-karya beliau yang signifikan, kesungguhannya yang tinggi, dan pencapaian kerjaya yang ketara menjadikannya peneraju sejati yang berhak menerima pengiktirafan istimewa ini. Portfolio luar biasa Ar. Hijjas Kasturi merangkumi pelbagai jenis mahakarya senibina yang mencerminkan pendekatan berwawasan, mempunyai sensitiviti reka bentuk inovatif, dan komitmen terhadap kelestarian.



# PENERIMA ANUGERAH LAM 2023










Penerima-Penerima
Anugerah Pendidikan Senibina 2023




Penerima
Pingat Presiden LAM 2023

# SAMBUTAN
## 50 TAHUN LAM





Tarikh:
6 - 7 Oktober 2023

Tempat:
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)



# GERAI PAMERAN

Sambutan 50 Tahun LAM turut disertai oleh beberapa pempamer yang terdiri daripada Pertubuhan Perekabentuk Dalaman Malaysia (MIID), Nippon Paint Sdn Bhd, DML Products, PP Chin Hin, dan Taylor's University. Satu cara penyerahan sijil penyertaan oleh Presiden LAM, YBhg. Datin Ar. Yong Razidah Rashid telah diadakan pada 7 Oktober 2023.







Pertubuhan Perekabentuk Dalaman Malaysia (MIID)







DML Products Sdn Bhd










Dari kiri : Nippon Paint (M) Sdn Bhd, Taylor's University Sdn Bhd, PP Chin Hin Sdn Bhd

# PERTANDINGAN IDEA

## REKABENTUK SENIBINA IDENTITI MALAYSIA

PAMERAN





Pertandingan Rekabentuk ini buat pertama kali dianjurkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM). Semua penyertaan yang diterima bagi semua kategori telah dipamerkan sepanjang dua (2) hari Sambutan 50 Tahun Lembaga Arkitek Malaysia diadakan.

DIALOG SENIBINA







# DIALOG SENIBINA
## M A L A Y S I A

6 Oktober 2024 (Jumaat)

LAM buat julung kali telah mengadakan Pertandingan Idea Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia sempena Sambutan 50 Tahun LAM. Beberapa kategori telah dipertandingkan. Hasil daripada sesi penjurian yang telah diadakan, satu Sesi Dialog Senibina Malaysia dianjurkan bagi berkongsi pengalaman daripada tiga (3) penerima Pingat Presiden LAM iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ar. Esa Mohamed (Tahun 2015), YBhg. Dato' Ar. Hajeedar Abdul Majid (Tahun 2017) dan YBrs. Ar. Hijjas Kasturi (Tahun 2023).



Ahli-ahli Panel Sesi Dialog bersama Moderator Ar. Sarly Adre Sarkum

Ketiga-tiga figura ini turut terlibat sebagai ahli Panel Juri bagi Pertandingan tersebut. Semua ahli panel telah berkongsi pengalaman dan hasil kerja masing-masing sepanjang penglibatan mereka dalam bidang kesenibinaan dengan para hadirin yang hadir selain para peserta Pertandingan.

# MAJLIS PENYAMPAIAN
## HADIAH PERTANDINGAN
# IDEA REKABENTUK
## SENIBINA IDENTITI MALAYSIA

6 Oktober 2024 (Jumaat)




Panel Juri Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia




**Pemenang Kategori Mahasiswa Rekabentuk Dalaman:**

**Hadiah Kepujian :**
Mohamad Hafizudin Abd Rahim (SIDC_002)
- City University | Projek : Padi

Zachary Ding Tok (SIDC_005)
- City University | Projek : Kamek

**Pemenang Kategori Rekabentuk Dalaman:**

**Tempat Pertama :**
Nur Amanina Mohd Sobri (IDC_006)
- Projek : Rattan Haven

**Hadiah Kepujian :**
IDENT-3 Sdn Bhd (IDC_001)
- Projek : Teratak Warisan

IDENT-3 Sdn Bhd (IDC_014)
- Projek : The House on The Hill






**Pemenang Kategori Mahasiswa Senibina:**

**Tempat Pertama :**
Lau Kah Hong (SAC_004)
- Universiti Putra Malaysia | Projek : Artisanal Park

**Tempat Kedua :**
Goh Zhen Yi (SAC_044)
- Universiti Sains Malaysia | Projek : Modu-Shack

**Hadiah Kepujian :**
Muhammad Afif Arshad Ismail (SAC_023)
- Universiti Kebangsaan Malaysia | Projek : Memora Mahawangsa

Law Jan Shen (SAC_033)
- Universiti Malaya | Projek : Cruising Through History: A Living Museum Of Sama – Bajau

Lim Wei Liang / Syamirul Alif Shaharudin / Huril 'Ain Ahmad Suhaimi / Muhammad Aisar Wahinuddin (SAC_054)
- Universiti Sains Malaysia | Projek : The Compendium

**Pemenang Kategori Senibina:**

**Tempat Kedua :**
M Sarizal Shamsuddin Architect (AC_004)
- Projek : Jalin

Ar. Ngu Ngie Woon (AC_049)
- Projek : Streetscrapper

**Hadiah Kepujian :**
Ar. Azim A. Aziz / ATSA Architects Sdn Bhd (AC_001)
- Projek : Menara Identiti

Ar Abdul Malek Hassan/Malek Hassan Architect (AC_028)
- Projek : Malaysia Architecture Identitiy






Para Pemenang Pertandingan IDEA Rekabentuk Senibina Identiti Malaysia










Sekitar sesi penyampaian hadiah pertandingan kepada para pemenang

PENTAULIAHAN ARKITEK



# MAJLIS PENTAULIAHAN
## ARKITEK 2023

6 Oktober 2024 (Jumaat)



Seramai 245 orang Arkitek yang telah berdaftar telah menerima Siji Pendaftaran masing-masing bagi Majlis Pentauliahan Arkitek 2023. Kesemua penerima telah lulus Peperiksaan Profesional Bahagian III, LAM sebelum layak berdaftar sebagai Arkitek di bawah Seksyen 10(2) Akta Arkitek 1967. Selain sesi penyampaian sijil pendaftaran oleh Presiden LAM, YBhg. Datin Ar. Yong Razidah Rashid, sesi Executive Talk bertajuk "Dignity of an Architect" telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Ar. Hajeedar Abdul Majid.



Para Penerima Sijil Pendaftaran Semasa Majlis Pentauliahan Arkitek 2023































## Peperiksaan Profesional Bahagian III (30 September 2023)

### Analisis Peperiksaan Bahagian III Tahun 2023

Seramai 275 calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan tersebut.




Keputusan telah diterima daripada semua Pemeriksa adalah seperti berikut:



Keputusan Peperiksaan Bahagian III (30 Sep 2023)

### Senarai Nama Calon Lulus :

| No. | No. Pendaftaran | Nama |
|---|---|---|
| 1. | AG/A 398 | Azri bin Aziz |
| 2. | AG/A 631 | Ahmad Farhan bin Rusman |
| 3. | AG/A 659 | Aw Yong Sow Mei |
| 4. | AG/C 471 | Chang Bing Jie |
| 5. | AG/C 482 | Caleb Ong Yan Weng |
| 6. | AG/C 483 | Chua Sor Hong |
| 7. | AG/C 498 | Choy Yu Zhen |
| 8. | AG/D 58 | Daniel Ak Seliong |
| 9. | AG/F 135 | Farah Haseenah binti Mohd Jais |
| 10. | AG/J 103 | Jezreel Kang Chun Wei |
| 11. | AG/K 217 | Kam Pei Wen |
| 12. | AG/K 248 | Khor Je-Shern |
| 13. | AG/L 538 | Loo Jie Hsin |
| 14. | AG/L 591 | Loo Sue Anne |
| 15. | AG/L 669 | Liew Zhen Shearn |
| 16. | AG/L 687 | Lim Yen Yin |
| 17. | AG/L 724 | Loh Pei Zhen |
| 18. | AG/M 1108 | Mohaamad Afiq bin Mohd Zulkefli |
| 19. | AG/M 1145 | Mohammad Hannan bin Md Zahar |
| 20. | AG/M 998 | Michelle Kho Hwee Tinn |
| 21. | AG/N 628 | Ng Yiing Jiun |
| 22. | AG/N 644 | Nurul Farhana binti Rapai Kasini |
| 23. | AG/O 147 | OOI Khai Wen |
| 24. | AG/P 79 | Poh Mun Lee |
| 25. | AG/P 81 | Pinky Tan Jun Inn |

Sambungan...

| No. | No. Pendaftaran | Nama | No. | No. Pendaftaran | Nama |
|---|---|---|---|---|---|
| 26. | AG/T 436 | Tan Chow Xian | 41. | AG/W 225 | Wong Man Yee |
| 27. | AG/T 472 | Tam Ai Wei | 42. | AG/H 142 | Hafiz Mursyidi bin Suhaimi |
| 28. | AG/T 476 | Tan Zhi Jie | 43. | AG/F 127 | Fadhli bin Mat Razi |
| 29. | AG/V 20 | Viwyn Loh | 44. | AG/H 243 | Hoong Yoong Le |
| 30. | AG/V 23 | Vincent Wong Kien Seng | 45. | AG/L 689 | Leong Yean Tuck |
| 31. | AG/W 233 | Wong Siao Jen | 46. | AG/N 601 | Nurnuha binti Zulfakar |
| 32. | AG/Y 203 | Yap Zuoo Yinn | 47. | AG/S 408 | Syed Mohammad bin Syed Abdullah |
| 33. | AG/A 619 | Ayree Azhar bin Abdul Latiff | 48. | AG/S 463 | Sarfraz bin Mohd Salleh |
| 34. | AG/C 450 | Chong You Leong | 49. | AG/I 115 | Inessa Farhana binti Jamil |
| 35. | AG/L 688 | Lee Maw Jia | 50. | AG/Z 150 | Zuriani binti Morni |
| 36. | AG/N 596 | Nawal Nabila binti Anuar | 51. | AG/N 616 | Norlina binti Othman |
| 37. | AG/W 262 | Wong Jia Jiunn | 52. | AG/V 19 | Vivien Poh Tze Wei |
| 38. | AG/C 378 | Chong Chun Jiat | 53. | AG/K 235 | Kenneth Fung Wen Jiun |
| 39. | AG/H 172 | Hairumizam bin Harun | 54. | AG/K 243 | Kristen Zee Marie Rayner |
| 40. | AG/S 533 | Syarifah Asma binti Syed A. Bakar | 55. | AG/L 667 | Lee Yin Ling |





# TINDAKAN DISIPLIN & PENALTI
## BAGI TAHUN 2022 HINGGA 2023

| NO. | OFFENCE | AUTHORITY | VERDICT DATE | PENALTY |
|---|---|---|---|---|
| 1. | *wrongfully issued certification for Extension of Time (EOT) to developer in contravention of the Code of Conduct for Architects as prescribed in the Second Schedule of Rule 28 of Architect Rules 1996 under sub-paragraph 3 (5) (a) - (d) thereby contravened Section 15A (2) (e) of the Architects Act 1967* | Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah | 6/7/2022 | *Warning and RM 25,000.00 fine* |
| 2. | *wrongly issued Certificate of Completion and Compliance (CCC) in contravention of the Code of Conduct for Architects as prescribed in the Second Schedule of Rule 28 of Architect Rules 1996 under sub-paragraph 3(5) thereby contravened Section 15A (2) (e) of the Architects Act 1967* | Majlis Perbandaran Klang | 28/3/2023 | *Warning* |
| 3. | *failed to provide services expected of an Architect and for selling signature in contravention of the Code of Conduct for Architects as prescribed in the Second Schedule of Rule 28 of Architect Rules 1996 under sub-paragraph 3(2),(4), and (5) thereby contravened Section 15A (2) (d) and (e) of the Architects Act 1967* | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | 28/3/2023 | *Warning and RM 50,000.00 fine* |
| 4. | *failed to adhere to the professional conduct expected of an Architect and carried out practice that are against Architects Act 1967 and Architects Rules 1996 thereby contravened Section 15A (2) (d), (e) and (f) of the Architects Act 1967* | Majlis Perbandaran Temerloh | 27/9/2023 | *Warning and RM 10,000.00 fine* |
| 5. | *failed to adhere to the professional conduct expected of an Architect and carried out practice that are against Architects Act 1967 and Architects Rules 1996 thereby contravened Section 15A (2) (d), (e) and (f) of the Architects Act 1967* | Majlis Perbandaran Temerloh | 27/9/2023 | *Warning and RM 10,000.00 fine* |
| 6. | *failed to adhere to the professional conduct expected of an Architect and carried out practice that are against Architects Act 1967 and Architects Rules 1996 thereby contravened Section 15A (2) (d), (e) and (f) of the Architects Act 1967* | Majlis Perbandaran Temerloh | 27/9/2023 | *Warning and RM 10,000.00 fine* |
| 7. | *failed to adhere to the professional conduct expected of an Architect and carried out practice that are against Architects Act 1967 and Architects Rules 1996 thereby contravened Section 15A (2) (d), (e) and (f) of the Architects Act 1967* | Majlis Daerah Maran | 27/9/2023 | *Warning and RM 10,000.00 fine* |
| 8. | *failed to adhere to the professional conduct expected of an Architect and carried out practice that are against Architects Act 1967 and Architects Rules 1996 thereby contravened Section 15A (2) (d), (e) and (f) of the Architects Act 1967* | Majlis Perbandaran Temerloh | 27/9/2023 | *Warning and RM 10,000.00 fine* |

# TAKLIMAT PENDAFTARAN

## AHLI-AHLI BARU LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

7 Oktober 2024 (Sabtu)

Taklimat Pendaftaran Ahli-Ahli Baru yang diadakan pada 7 Oktober 2023 dianjurkan khusus kepada ahli-ahli yang baru berdaftar dengan LAM. Sesi ini telah dianjurkan beberapa kali sebelum ini bagi memastikan ahli-ahli yang baru berdaftar mendapat maklumat-maklumat berkaitan khususnya pematuhan terhadap peruntukan perundangan berkaitan seperti Akta Arkitek 1967 dan Kaedah-kaedah Arkitek 1996.






Sesi Taklimat ini telah dihadiri oleh ahli-ahli Arkitek Graduan, Perekabentuk Dalaman Graduan, Teknologis Senibina serta Inspektor Kerja. Beberapa ahli panel juga telah dijemput untuk memberikan penerangan berkaitan Pekeliling-Pekeliling Am LAM yang berkuatkuasa. Pelbagai pertanyaan dapat dikemukakan dan dibincangkan semasa Sesi Soal Jawab yang diadakan di penghujung Sesi tersebut.










TAKLIMAT
PENDAFTARAN
AHLI-AHLI BARU
BORANG KAJI SELIDIK
AHLI-AHLI BARU LAM











CPD TALK

# CURRENT GENERAL CIRCULAR

7 Oktober 2024 (Sabtu)



Ahli-ahli Panel CPD Talk

Sepanjang tahun 2023, Lembaga Arkitek Malaysia telah mengeluarkan beberapa Pekeliling Am untuk makluman kepada ahli-ahli berdaftar. CPD Talk ini diadakan sebagai inisiatif bagi membantu para ahli supaya lebih memahami peraturan-peraturan terkini yang dikuatkuasakan.

Antara Pekeliling Am yang dibincangkan adalah Pindaan kepada Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 (Pekeliling Am Bil. 1/2023), Garispanduan mengenai Praktis Perundingan Seni Bina (Pekeliling AM Bil. 2/2023), Garispanduan mengenai Surat Pelepasan (Pekeliling AM Bil. 3/2023) serta Garispanduan mengenai Pembangunan Profesional Berterusan (Pekeliling AM Bil. 4/2023)










WORLD TRADE CENTRE














SATURDAY
2.30 PM - 5.00 PM
Speakers :






Example :






Speakers :
Datuk Ar. Tan Pei Ing
Prof Madya (I) Ar. Zuraina Leily Awalludin
Dr. Ar. Tan Loke Mun




## Sempena Sambutan 50 Tahun LAM

# LAM'S MERCHANDISE

---

**Imbas Kod QR untuk tonton Video 'LAM 50 Years'**

STATISTIK

# KEDUDUKAN PENDAFTARAN AKTIF
SETAKAT JANUARI 2024

| | |
|---|---|
| Arkitek | 2469 |
| Arkitek Graduan | 2424 |
| Perekabentuk Dalaman | 585 |
| Graduan Perekabentuk Dalaman | 145 |
| Pelukis Pelan Bangunan | 105 |
| Pertubuhan Pebadanan Arkitek | 347 |
| Pertubuhan Pelbagai Disiplin | 47 |
| Perkongsian | 85 |
| Perseorangan | 1352 |
| Pertubuhan Perbadanan Rekabentuk Dalaman | 21 |
| Perseorangan - Rekabentuk Dalaman | 37 |
| Perkongsian - Rekabentuk Dalaman | 3 |
| Teknologis Senibina (AT) | 32 |
| Pemeriksa Tapak (IOW) | 213 |
| APEC | 39 |
| ASEAN | 56 |

WARTA

**EDITORIAL**

Ar. Sarly Adre Sarkum (Pengerusi)
Ar. Adrianta Aziz (Naib Pengerusi)
Ar. Wan Mohammad Norshah Abdul Satar
Ar. Syahril Nizam Kamaruddin
Ar. Nazaruddin Muhammad
Ar. Mohd Farez Mustapha
Ar. Ahmad Ridha Abd Razak
Ar. Ahmad Farik Abd Ghaffar
Ar. Amzar Ahmad
En. Saiful Fazli Ramli
Ar. Hani Yuliati Mohd Lasa (Pendaftar)
Nur Santi Mohd Said (Sekretariat)
Noor Shazlien Amira Shaharuddin (Sekretariat)



**PUBLISHER**

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
TINGKAT 17, BLOK F, IBU PEJABAT JKR
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50582 KUALA LUMPUR

T: 6032698 2878
F: 6032696 6881
E: INFO@LAM.GOV.MY
W: WWW.LAM.GOV.MY

*A sketch of Menara Kerja Raya, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur by Dato Ar. Azman Md Hashim*

Ar. Azman